

Wakil rakyat punca kekeliruan kerana...

Tidak faham dasar negara

BN 24 SEP 1986

Oleh MAHFAR ALI

KUALA LUMPUR, Selasa — Masih ada dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak difahami sepenuhnya oleh wakil-wakil rakyat, menyebabkan pelbagai tafsiran yang tidak tepat dibuat mengenainya, kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, hari ini.

Kurang fahaman ini juga menyebabkan ramai wakil rakyat tidak dapat mengambil bahagian cergas dan membina ketika membahaskan sesuatu rang undang-undang atau dasar di Parlimen.

Bagi mengatasi masalah itu, satu seminar khas dua hari diadakan untuk semua ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional, bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, mulai hari ini.

"Seminar ini bertujuan memberi maklumat kepada ahli-ahli Dewan Rakyat supaya mereka dapat mengambil bahagian dalam perbahasan dengan lebih berkesan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan seminar itu, Perdana Menteri berkata, pelbagai dasar, termasuk pandang ke Timur, industri berat, penerapan nilai-nilai Islam, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pertanian Negara, akan dibincangkan di seminar itu.

Ada kelemahan

"Struktur dan tugas kerajaan, termasuk perbezaan dan pembahagian kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman juga akan dijelaskan kepada peserta," tambahnya.

Menteri-Menteri, dengan dibantu oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan, akan memberi penerangan mengenai bidang masing-masing kepada peserta. Inilah seminar pertama diadakan untuk ahli-ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berpendapat seminar dua hari itu mungkin tidak mencukupi untuk memberi kefahaman yang mendalam mengenai pelbagai dasar kerajaan.

"Seminar ini akan diadakan lagi, jika kita dapati masih ada kelemahan dan kekurangan di segi pengetahuan di kalangan ahli-ahli Dewan Rakyat," ka-

Akta Rahsia Rasmi mungkin dibincang

● Dari muka 1

tanya.

Perdana Menteri berkata, terpalangian kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri menganjurkan seminar yang serupa untuk ahli Dewan Undangan Negeri.

"Saya difahamkan ada beberapa negeri berminat mengadakan seminar seumpama itu. Di Perak, misalnya, Kerajaan Negeri mengadakannya hari ini," katanya.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata, isu-isu yang dibangkitkan sepanjang Perhimpunan Agung Umno minggu lalu tidak akan dibincangkan di seminar itu. Perdana Menteri juga menyangkal dakwaan kononnya seminar itu diadakan setelah didesak oleh perwakilan Umno.

"Seminar ini dirancang sebelum perhimpunan Umno," tambahnya.

Ditanya mengenai rang undang-undang meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) yang tertangguh di sidang Parlimen April lalu, Perdana Menteri berkata, ia mungkin dibentangkan dalam sidang bulan depan.

Bagaimanapun, kata Datuk Seri Dr Mahathir, pindaan akta itu belum lagi diluluskan oleh Kabinet kerana ada perkara-perkara tertentu yang memerlukan penjelasan.

Pindaan akta itu tidak dibahaskan di sidang Parlimen awal tahun ini kerana kerajaan mengambil keputusan untuk mengkaji semula takrif dan pengertian rahsia rasmi selepas didesak oleh beberapa pihak, termasuk pertubuhan-pertubuhan wartawan.